

Antara Umat Islam Purbakala dan Hari Ini

Muslim sejati ialah orang-orang yang merasai dirinya dagang semasa Islam itu dagang. Muslim sejati ialah orang-orang yang baru merasai dirinya mulia bila mana Islam itu mulia. Muslim sejati ialah orang-orang yang sentiasa memikirkan soal-soal kejatuhan dan ketinggian umat Islam.

Muslim sejati ialah orang-orang yang merasai dirinya bertanggungjawab dengan kehinaan atau kemuliaan umat Islam.

Oleh Muslim Dungun

Umat Islam Purbakala:

Di dalam al-Qur'an sungguh banyak terdapat ayat-ayat yang berupa janji atau jaminan Tuhan untuk memberi kemuliaan dan ketinggian kepada orang-orang Mukmin atau umat Islam, di antara ayat-ayat itu termasuklah firman Tuhan di dalam ayat 8 surat al-Munāfiqūn yang berbunyi:

((Wa lillāhi al-'izzatu wa lirasūlihī wa lilmu'minīn)).

Yang mana maksudnya: ((Bahawa ketinggian dan kemuliaan itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul dan bagi orang-orang Mukminin)).

Lebih enam ratus tahun lamanya umat Islam purbakala dapat bertakhta di kemuncak kemuliaan dan ketinggian sebagaimana yang dijanjikan Tuhan itu, malahan sekarang pun masih kedengaran lagi sayup-sayup suara pilu yang menyebut-nyebut darjat orang-orang Islam lebih tinggi dari darjat orang-orang yang bukan Islam, kuda orang-orang Islam lebih laju dari kuda orang-orang yang bukan Islam. Bala tentera Islam sungguh menakjubkan musuh-musuhnya, cahaya bintang-bintang Timur Islam seperti Ibnu Sīnā, al-Fārābī, al-Rāzī dan lain-lain lagi bukan sahaja dapat menerangi alam Timur, malah terus menyulahi alam Barat, juga bintang-bintang Islam yang berada di Barat seperti Ibnu Mājah Ibnu Rushd, Ibnu Tufayl dan lain-lainnya. Jelas kelihatan sinaran cahaya...menyulahi

alam Timur, bila disebut sahaja nama-nama khalifah atau raja-raja Islam pada masa itu seperti Mahmūd al-Ghaznawī, Malik Shah al-Saljūqī, Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayūbī, Sulṭān Maḥmūd al-Fātiḥ, Sulṭān Sulaymān al-'Uthmānī, maka tunduklah kepala maharaja-maharaja kufar serta lemahlah segenap sendi anggota mereka, demikian catitan sejarah segala bangsa dan ini bukanlah cabutan dari cerita-cerita *alfu laylah wa laylah*. (Seribu satu malam).

Umat Islam Hari Ini:

Kini kita umat Islam bila dipandang dengan kaca mata politik, adalah satu umat yang lemah dan lesu, jika dipandang dengan kaca mata ekonomi, adalah satu umat yang papa dan miskin, jika dipandang dengan kaca mata pelajaran adalah satu umat yang bodoh dan jahil dan jika dipandang dengan kaca mata kebudayaan jelas kelihatan terapung-apung di tengah-tengah lautan di bawa arus ke Timur dan ke Barat, kerana apa dan sebab apakah kita umat Islam sedunia kecuali umat Islam Pakistan sudah jadi demikian keadaannya? Adakah umat Islam hari ini sudah bukan umat Islam lagi?

Jawabnya, ya kita umat Islam hari ini mungkin Islam di dalam *rubū'* ibadah, tetapi sudah tentu tidak Islam lagi di dalam *rubū'* muamalat, ya,

Antara Umat Islam...

kita umat Islam hari ini mungkin Islam di dalam *rubū' munākahāt*, tetapi sudah tentu tidak Islam lagi di dalam *rubū' jināyah*. Jadi tidaklah hairan kalau kita umat Islam hari ini telah menjadi satu umat yang lemah, miskin, jahil, dan hina kerana setengah pasang kain sutera yang tak cukup helanya tentulah tak dapat menolong bagi menyempurnakan sepasang pakaian bagi seorang yang telah dewasa sebagaimana sepasang kain benang yang cukup hela dapat melengkapkannya dan Tuhan pun memang telah menjanjikan demikian sebagaimana firman-Nya:

((*Afatu' minūna biba 'dī al-kitābi wa takfurūna biba 'dīn famā jazā 'u man yaf' al dhalika minkum illā khizyun ft al-ḥayāti al-dunyā wa yawma al-qiyāmati yuraddūna ilā ashaddi al-'adhābi wamā Allāhu bighāfilin 'ammā ta 'malūn*))¹.

Yang mana maksudnya: ((Adakah kamu bersetuju mengambil sebahagian sahaja dari ajaran-ajaran al-Qur'ān manakala sebahagian lagi kamu tidak bersetuju? Kalau demikian keadaannya kamu pastilah menerima kehinaan di dunia dan menerima keazaban di akhirat dan bagaimana pun Allah tidaklah lalai akan apa yang kamu usahakan.))

Jalan Mengembalikan Keagungan Umat Islam:

Kemudian apakah ikhtiar dan bagaimana jalannya supaya umat Islam hari ini dapat bertakhta semula di kemuncak kemuliaan dan ketinggian itu, jawapan pokoknya kepada persoalan ini hanya satu sahaja, iaitu dirikanlah negara Islam sebagaimana yang pernah dilakukan umat Islam purbakala. (Atau pun sekurang-kurangnya sebuah negara yang benar-benar bercorak keislaman pada tabiat dan bentuknya – P.) Negara mana yang sanggup menjalankan syariat atau undang-undang Islam

baik yang mengenai ibadah dan *munākahāt* apa lagi yang mengenai jenayah dan muamalah, kerana syariat atau undang-undang Islam itu tidak memadai dengan semata-mata nasihat dan khutbah-khutbah sahaja, malahan dia adalah hukum atau undang-undang yang mesti dijalankan oleh negara dan pemerintah seperti mana sabda Nabi (S.A.W) : ((*Inna Allāha liyadh 'u bi al-sulṭān mā lā yadh 'u bi al-Qur 'ān*)) yang mana maksudnya – ((Tuhan lebih banyak melancarkan kehendak-Nya menerusi sultan (kekuasaan atau pemerintahan) akan apa yang tidak dilancarkan-Nya menerusi Qur'ān)). al-Qur'ān hanya pemandu atau perlembagaan mentafsirkannya menjadi undang-undang serta menjalankannya adalah tanggungjawab negara dan pemerintah, yakin dan percayalah wahai umat Islam Bahawa ikan sembilang tidak akan dapat menikmati kebahagiaan hidup selama ia hidup di dalam (sungai) sebagaimana juga ikan keli tidak dapat menikmati kebahagiaan hidup selama ia hidup di dalam air masin (laut).

Keraguan Yang Tidak Harus

Ada Di Jiwa Umat Islam:

Sesuai dengan bagaimana sukarnya manusia dapat menangkap kebagusan atau kebaikan syariat Islam sebagaimana diterangkann oleh al-Qur'ān: ((*Walakin akthara al-nāsi lā ya 'lamūn*))² Yang ertinya: ((Dan tetapi kebanyakan manusia memang tidak dapat mengetahuinya.)) Maka timbullah keraguan-keraguan kepada kebanyakan manusia iaitu, apakah Islam masih layak lagi memandu manusia yang hidup di dalam zaman lektrik dan atom ini? Jawabnya kalau Islam sudah berjaya memandu manusia semasa dunia masih di dalam keadaan suasana yang gelap pekat, maka sudah barang tentulah Islam lebih cekap dan lebih bertenaga memandu manusia semasa dunia ini di dalam keadaan terang-benderang seperti hari ini.

¹ Sūrah al-Baqarah, ayat 85.

² Sūrah al-A'rāf, ayat 187.